



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 13 DISEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 13 Disember 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **4,401 kes** (2,606,309 kes kumulatif, 96.7%);
- Kes baharu : **3,504 kes** (2,695,143 kes kumulatif);
- Kes import : **24 kes** (15 warganegara; 9 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **3,480 kes** [3,364 warganegara (96.7%); 116 bukan warganegara (3.3%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **408 kes** (325 kes disahkan COVID-19; 83 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **206 kes** (137 kes disahkan COVID-19; 69 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **6,043 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **6 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,797 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **246 kluster**.

Daripada **3,504 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **76 kes (2.2 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **3,428 kes (97.8 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

## **ANALISA SITUASI SEMASA JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA (MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-49)**

Sehingga 11 Disember 2021 [Minggu Epidemiologi (ME) ke-49], sebanyak **2,688,149 kes kumulatif** COVID-19 telah dilaporkan dengan **60,778 kes aktif** dan **30,862 kes kumulatif kematian**. Penurunan nilai Rt/Ro Malaysia mulai 6 Disember didapati selari dengan penurunan semua indikator utama jangkitan COVID-19 pada ME ke-49. Dari segi kewujudan kluster baharu pula, semua kategori kluster menunjukkan peningkatan kecuali kluster aktiviti keagamaan, pusat tahanan dan import.

### ***1. Indikator-Indikator Jangkitan COVID-19***


Pada ME ke-49 iaitu daripada **5 Disember 2021 sehingga 11 Disember 2021**;

- **Penurunan kes baharu COVID-19 sebanyak 3.5 peratus** iaitu daripada 34,897 kes (ME ke-48) kepada 33,675 kes (ME ke-49). Tren penurunan kes ini dicatatkan sejak tiga (3) minggu lepas mulai ME ke-46.
- **Purata kes aktif COVID-19 turut mencatatkan penurunan sebanyak lima (5) peratus** dengan purata 59,601 kes pada ME ke-49. Penurunan ini telah diperhatikan semenjak dua (2) minggu yang lalu.

- Kes kematian disebabkan COVID-19 kekal konsisten menunjukkan penurunan sebanyak 2 peratus dengan 288 kematian pada ME ke-49 berbanding 294 kematian pada ME ke-48. Penurunan ini dicatatkan mulai ME ke-43, iaitu enam (6) minggu yang lalu.
- Purata kes COVID-19 yang memerlukan rawatan di **ICU** menunjukkan **penurunan sebanyak 8 peratus** iaitu 386 kes (ME ke-48) kepada 356 kes (ME ke-49).
- Purata kes COVID-19 yang memerlukan **alat bantuan pernafasan** turut menunjukkan **penurunan 2.5 peratus** iaitu dari 163 kes (ME ke-48) ke 158 kes (ME ke-49).
- **Nilai Rt menurun** sebanyak 0.3 peratus kepada 0.97 (95% CI 0.96 – 0.98) dan penurunan ini dicatat semenjak 6 Disember 2021.


Indikator	ME ke-48 (28/11 - 04/12)	ME ke-49 (05/12 - 11/12)	Perbandingan ME 48/49 (%)
Kes Baharu	34,897	33,675	↓ -3.5
Kes Kematian	294	288	↓ -2.0
Penggunaan Katil ICU (Purata)	386	356	↓ -7.8
Penggunaan Alat Bantuan Pernafasan (Purata)	163	158	↓ -3.1

*Jadual 1 Perbandingan Indikator Jangkitan COVID-19 bagi ME ke-48 dan ME ke-49*



Rajah 1 Purata Mingguan Kes COVID-19 di ICU

Berdasarkan **Rajah 1**, penggunaan ICU untuk kes COVID-19 jelas mencatatkan penurunan berturut-turut mulai lima (5) minggu yang lepas iaitu (ME ke-44).



Rajah 2 Purata Mingguan Kes COVID-19 yang Memerlukan Alat Bantuan Pernafasan











Selain itu, tren penurunan penggunaan Alat Bantuan Pernafasan untuk kes COVID-19 juga dapat dilihat dengan ketara mulai 17 minggu lepas iaitu ME ke-32 berdasarkan **Rajah 2**. Penurunan kedua-dua indikator ini selari dengan peningkatan liputan vaksinasi seluruh negara yang kini telah mencatat 78.1%

populasi lengkap divaksinasi (setakat 12 Disember 2021, 11:59 malam).

## **2. Kluster**

Sehingga 11 Disember 2021, terdapat kumulatif 6,035 kluster telah dilaporkan dan 250 kluster aktif (peningkatan sebanyak 10.1 peratus berbanding ME ke-48). Selain itu, sebanyak 43 kluster telah diisytiharkan tamat pada ME ke-49, lalu menjadikan penurunan sebanyak 10.4 peratus berbanding ME ke-48. Sebanyak 66 kluster telah dilaporkan pada ME ke-49 yang terdiri daripada (Jadual 2);

- **37** kluster tempat kerja;
- **20** kluster pusat pendidikan;
- **Empat (4)** kluster komuniti;
- **Empat (4)** kluster kumpulan berisiko tinggi; dan
- **Satu (1)** kluster aktiviti keagamaan.


	ME ke – 48 (28/11-04/12)	ME ke – 49 (05/12-11/12)	Perbandingan ME 48/49 (%)
Kluster Aktif	227	250	 10.1
Kluster Tamat	48	43	 10.4
Kluster Baharu	41	66	 61.0
Kategori Kluster Baharu			
1. Tempat Kerja	21	37	 76.2
2. Institusi Pendidikan	16	20	 25.0
3. Komuniti	1	4	 300.0
4. Kumpulan Berisiko Tinggi	1	4	 300.0
5. Aktiviti Keagamaan	2	1	 50.0
6. Pusat Tahanan	0	0	 0.0
7. Import	0	0	 0.0

Jadual 2 Kluster Baharu bagi ME ke-49

Berdasarkan Jadual 2, terdapat **peningkatan semula semua kategori kluster kecuali aktiviti keagamaan, pusat tahanan, dan import** selari dengan pembukaan semua sektor ekonomi, pergerakan rentas negeri, dan peningkatan aktiviti sosial pada PPN Fasa 4. Walaupun indikator utama jangkitan semakin menunjukkan penurunan kebelakangan ini, pematuhan SOP dalam apa jua keadaan masih lagi memainkan peranan penting dalam memastikan jangkitan COVID-19 dapat dikawal.

Memandangkan musim cuti akan bermula tidak lama lagi, lebih banyak pergerakan rentas negeri dan aktiviti sosial dijangka

akan berlaku. Oleh itu, besar harapan KKM agar Keluarga Malaysia dapat memainkan peranan masing-masing dalam **mematuhi SOP** dan memperkukuhkan tindakan kesihatan sendiri dengan **mengamalkan TRIIS** (*Test, Report, Isolate, Inform and Seek*) agar diri kita, keluarga kita dan masyarakat di sekeliling kita dapat dilindungi dari penularan COVID-19.



Rajah 3 Jumlah Kluster Aktif bagi setiap ME 2021

Setelah mengalami penurunan berturut-turut selama 13 minggu (ME ke-32), jumlah kluster aktif pada ME ke-49 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 10.1 peratus dengan 250 kluster aktif. Pada masa yang sama, jumlah kluster yang tamat juga semakin menurun sebanyak 10.4 peratus. Ini bererti, penularan jangkitan COVID-19 yang disebabkan oleh



ketidakpatuhan SOP dalam sesebuah kluster masih lagi giat berlaku walaupun kluster tersebut telah diumumkan. Sekiranya semua SOP dipatuhi, jumlah kontak rapat yang terlibat dapat dikurangkan dan penularan tersebut dapat dikawal.





Oleh yang demikian, KKM ingin mengingatkan semula bahawa **pengambilan vaksin tidak bermakna pematuhan SOP tidak diperlukan lagi**. Pemakaian pelitup muka dengan cara yang betul dan kebersihan tangan masih lagi penting dalam menghindari jangkitan COVID-19. Elakkan tempat yang sesak kerana penjarakan fizikal juga perlu dijaga. KKM berharap agar Keluarga Malaysia mampu terus patuh pada SOP yang sudah ditetapkan untuk mengelakkan peningkatan kluster secara berterusan.

Bagi yang belum menerima vaksin namun tidak pernah dijangkiti COVID-19, anda kini berada dalam kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan COVID-19. Nasihat KKM, segeralah mendaftar dan dapatkan vaksin COVID-19 agar anda dan keluarga dilindungi daripada virus merbahaya ini.

### ***3. Kapasiti Hospital***

Kadar penggunaan fasiliti kesihatan seperti katil bukan ICU dan katil ICU didapati menurun pada ME ke-49. Penggunaan katil bukan ICU di hospital telah mencatatkan penurunan dua (2)

peratus manakala penggunaan katil ICU menurun sebanyak enam (6) peratus berbanding ME ke-49 seperti yang digambarkan pada Jadual 3. Namun begitu, penggunaan katil di PKRC telah meningkat sebanyak satu (1) peratus pada ME ke-49.

Fasiliti Kesihatan	Kapasiti (Purata)	Jumlah Penggunaan (Purata)	Kadar Penggunaan (%)	Perbandingan ME 48/49 (%)
Katil Bukan ICU (Hospital)	13,293	4,688	35%	 2 %
Katil PKRC	19,773	5,918	30%	 1 %
Katil ICU	1,106	430	39%	 6 %
Alat Bantuan Pernafasan	2,878	1,086	38%	 1 %

Jadual 3 : Jumlah Penggunaan Fasiliti Kesihatan bagi ME ke - 48 dan ME ke – 49

Walaupun kebanyakan Keluarga Malaysia telah lengkap divaksinasi mulai pertengahan tahun lalu, kajian terbaru mendapati keberkesanan vaksin akan menurun selepas beberapa bulan. Oleh yang demikian, KKM menggesa individu yang mendapat tarikh janji temu dos penggalak vaksin COVID-19 untuk hadir bagi menerima suntikan tersebut. Sentiasa semak MySejahtera untuk mengetahui tarikh vaksinasi dos penggalak.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM juga ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**); dan
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

13 Disember 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 12 DISEMBER 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>MELAKA</b>	1.02
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1.01
<b>PULAU PINANG</b>	1.01
<b>PAHANG</b>	1.00
<b>PERAK</b>	0.99
<b>TERENGGANU</b>	0.99
<b>JOHOR</b>	0.99
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	0.98
<b>WP LABUAN</b>	0.98
<b>SELANGOR</b>	0.97
<b>KELANTAN</b>	0.97
<b>KEDAH</b>	0.94
<b>SABAH</b>	0.86
<b>WP PUTRAJAYA</b>	0.83
<b>SARAWAK</b>	0.72
<b>PERLIS</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.95</b>